



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 36/2023

AKHLAK MULIA, TAUBAT DAN ISTIQAMAH

8 September 2023

Bersamaan

22 Safar 1445

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaian terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ،
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita berusaha untuk memantapkan ketaqwaan kepada Allah swt dengan senantiasa mengerjakan suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya, mudah-mudahan kita semua mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat. Marilah pada kesempatan Jumaat yang mulia ini, kita menghayati khutbah yang bertajuk:

“AKHLAK MULIA, TAUBAT DAN ISTIQAMAH.”

Muslimin yang dirahmati Allah,

Rasullulah saw yang berkeperibadian luhur dan berakhlak mulia lagi tinggi, menganjurkan dan memuji pekerti luhur dan adab peribadi yang indah. Ia adalah prasyarat pembentukan masyarakat yang cemerlang, mempunyai keutuhan peribadi, juga dihormati oleh kawan dan lawan.

Akhhlak mulia bukan sekadar perhiasan lahiriah, malahan ia meliputi seluruh bidang kehidupan individu, dalam pelbagai aspek sosial, ekonomi, politik dan sebagainya yang berpaksikan iman kepada Allah swt dan hari akhirat.

Berakhhlak mulia menjadi satu faktor terpenting berhasilnya dakwah Baginda saw yang mendorong masyarakat Arab pada ketika itu tertarik untuk memeluk agama Islam.

Rasulullah saw bersabda:

اتقِ اللَّهَ حِيْثُمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَحْكُمَهَا،
وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقِ حَسَنٍ

Maksudnya: "Bertaqwalah kamu kepada Allah di mana sahaja kamu berada, lakukanlah kebaikan setelah terbuat kesilapan, ia pasti menghapuskan kesalahan itu dan bergaullah sesama manusia dengan budi pekerti yang baik."

(Hadis riwayat Ahmad dan al Tarmizi)

Sidang Jumaat yang dimuliakan sekelian,

Nabi saw juga menganjurkan agar umatnya segera bertaubat apabila berbuat dosa atau perkara munkar kerana Allah swt sentiasa akan menerima taubat hambaNya dan mengampuninya.

Sabda Nabi saw:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللَّهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ،
فَإِنِّي أَتُوبُ إِلَى اللَّهِ وَاسْتَغْفِرُهُ فِي كُلِّ يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ

Maksudnya: "Wahai manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah dan mohonlah keampunanNya. Sesungguhnya aku bertaubat kepadaNya dan mohon keampunanNya pada setiap hari sebanyak 100 kali."

(Hadis riwayat Muslim)

Firman Allah swt dalam surat at-Tahrim ayat 8:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَصُوحًا عَسَى رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ
عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ
لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ إِمَانُوا مَعَهُ

Maksudnya: : "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "Taubat Nasuha", mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya.."

Anjuran dan gesaan tersebut selari dengan hakikat diri manusia yang dibekalkan dengan unsur akal dan hawa nafsu yang saling berlawanan. Akal mengarah kepada taqwa dan kebajikan, manakala hawa nafsu pula sering mendorong kepada perbuatan dosa dan maksiat. Justeru, taubat akan meletakkan manusia atas landasan sebenar yang dianjurkan oleh Islam.

Muslimin sekelian,

Rasulullah saw juga menekankan agar setiap individu muslim dan muslimah supaya mengamalkan ajaran Islam dengan penuh istiqamah (konsisten) sepanjang kehidupan dunia ini.

Seorang sahabat, Sufian bin Abdillah al Thaqafi RA pernah memohon Baginda saw agar menasihatinya, sabdanya:

(قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقَمْ)

Maksudnya: "Katakanlah 'aku beriman kepada Allah', kemudian hendaklah kamu beristiqamah".

(Riwayat Muslim)

Istiqamah dalam pegangan Islam dan ajarannya adalah suatu perkara yang memerlukan kesabaran yang jitu dan ketabahan hati yang mantap. Sifat istiqamah bakal mengawal diri seseorang dan memandunya dalam mengharungi sebarang pancaroba dan mehnah yang sukar untuk terus berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan sabda Nabi saw yang bermaksud:

"Wahai manusia, aku tinggalkan kepada kamu dua perkara. Jika kamu berpegang dengan keduanya, nescaya kamu tidak akan tersesat selama-lamanya; iaitu Kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Nabinya".

(Hadis riwayat al Hakim)

Justeru, marilah kita bersama-sama terus mengamalkan ajaran-ajaran yang diwariskan oleh Baginda saw seperti bertaubat, istiqamah, berakhlaq mulia dan seumpamanya dalam kehidupan kita, mudah-mudahan kita sentiasa dirahmati oleh Allah swt.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ قَاتَلُوا رَبِّنَا اللَّهَ ثُمَّ أَسْتَقْدَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

١٣
يَحْزَنُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Surah al-Ahqaf, ayat 13)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكَتِهِ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الْدِيْنُ إِمَّا مُؤْمِنًا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا ⑤٦

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ . اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو .

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَاعِيَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَغْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ إِبْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.

Perbaikilah hubungan sesama kami dengan penuh kasih sayang. Limpahkanlah dalam kehidupan keluarga kami ketenangan dan kebahagiaan, Semangat muafakat dalam kejiranan, Para remaja yang teguh iman, tinggi ilmu dan mulia akhlaknya.

Ya Allah,

Kami pohon kehadrat-Mu agar mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan jadikanlah kami sentiasa istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu.

Ya Allah,

Perkuuhkan perpaduan umat Islam di negeri Terengganu. Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukaanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa juar kemurkaan-Mu.

آمِين يَا اللَّهُ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزْدَكُمْ

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُوْمُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.